

**KESEDIAAN SEBAGAI PEMBEKAL BAHAN BINAAN
DALAM APLIKASI KONSEP *JUST IN TIME* (JIT) DALAM INDUSTRI
PEMBINAAN DI JOHOR**

REZANAH BINTI ARSAD

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Jabatan Ukur Bahan
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

Mei, 2007

ABSTRAK

Isu pembaziran bahan binaan seringkali dikaitkan dalam industri pembinaan. Jika tidak dibendung, masalah ini akan menyebabkan satu kerugian yang besar kepada pihak kontraktor. Oleh itu, konsep pengurusan yang efektif haruslah diamalkan agar masalah-masalah sebegini dapat diatasi. Konsep *Just In Time* (JIT) adalah satu konsep pengurusan yang telah lama diaplikasikan dalam industri pembuatan. Ia telah berjaya membuktikan penghapusan pembaziran dalam setiap proses pengeluaran. Oleh itu, konsep ini mempunyai kesesuaian dalam industri pembinaan terutamanya dalam mengatasi masalah pembaziran bahan binaan. Namun begitu, jika ingin diaplikasikan secara keseluruhannya, penglibatan semua pihak dalam industri pembinaan adalah penting, termasuklah pihak pembekal. Penyelidikan ini telah dibuat untuk mengenalpasti kesediaan pembekal. Objektif ini dicapai melalui soalan-soalan temubual yang yang direkabentuk berdasarkan kepada pematuhan prinsip-prinsip JIT. Pengetahuan, minat dan kesediaan mereka juga telah diambilkira untuk menilai status ini. Selain itu, masalah ataupun halangan yang mungkin timbul juga akan dikenalpati melalui soal selidik yang telah direka juga berdasarkan prinsip-prinsip ini. Hasil penyelidikan telah mendapati bahawa kesediaan pembekal dalam penyelidikan ini adalah tinggi dan ini menunjukkan bahawa mereka bersedia untuk menjadi pembekal JIT. Manakala, masalah yang paling tinggi pula adalah mengenai penjadualan bahan yang perlu tepat mengikut masa yang dikehendaki pelanggan. Jika berlakunya kesilapan disini ianya akan menyebabkan risiko kehilangan pelanggan. Skop kajian ini hanya tertumpu di sekitar Johor sahaja. Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar kajian selanjutnya boleh dibuat dalam populasi yang lebih besar.

ABSTRACT

Wastage problems always happen in construction industry especially materials wastage. It can make contractor loses more if not prevented early. For this reason, effective management is very important. Just In Time (JIT) concept is one of management method that has long been applied in manufacturing industry. This application has proved that wastage can be reduced in production process. Because of this advantage, it is also suitable to be applied in construction industry especially in reducing materials wastage. But to apply this method, cooperation is needed between parties involved in this industry, including supplier. This research has been carried out to identify suppliers readiness by their willingness to obey JIT's principles. Their interest and readiness to be JIT suppliers will also be taken to identify this objective. Therefore, the problems or threats will be identified by using questionnaires that has been design according to these principles. Research findings showed that the suppliers in this research have a high readiness and it also showed that they are ready to be a JIT supplier. The biggest problem is about materials scheduling. It must be accurate with customer's need. If mistaken, it will risk them to lose customer. Scope of this research is limited in Johor only. So, this research can be furthered in much bigger populations.